



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

POTENSI KEPIMPINAN WANITA DIPERKASA

JOHOR BAHRU, 8 OGOS 2025 - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) hari ini menganjurkan Program Inspirasi Wanita: *Secure. Lead. Transform* yang merupakan inisiatif kerajaan dalam usaha memperkukuh peranan wanita sebagai pemimpin, pelindung dan pemacu transformasi negara, dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad.

Program yang menghimpunkan pelbagai lapisan wanita daripada sektor kerajaan, swasta dan masyarakat sivil ini bertujuan memberi inspirasi, memperkasa potensi kepimpinan serta menyokong keselamatan dan kesejahteraan wanita sejajar dengan pelaksanaan Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2025–2030.

Menerusi ucapannya, YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad menekankan tema program *Secure. Lead. Transform* sebagai satu seruan membudayakan keyakinan, memperluas ruang kepimpinan wanita dan memperkasa peranan wanita sebagai agen perubahan dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi, sosial, digital serta keselamatan negara.

“Wanita yang terjamin keselamatannya akan lebih berani untuk memimpin. Wanita yang memimpin akan mencipta masa depan yang lebih aman, adil dan saksama,” katanya.

Beliau turut berkongsi inisiatif kerajaan seperti Pelan Tindakan Nasional Wanita, Keamanan dan Keselamatan (WPS), penguatkuasaan Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840) dan penubuhan Tribunal Antigangguan Seksual (TAGS) sebagai bukti komitmen Kerajaan MADANI membanteras keganasan terhadap wanita.

Untuk rekod lebih 12,000 laporan keganasan terhadap wanita diterima menerusi Talian Kasih 15999 sehingga Julai tahun ini, sekali gus menggariskan kepentingan tindakan tegas dan mekanisme sokongan yang lebih mantap untuk melindungi mangsa. Dasar Wanita Negara 2025–2030 memberi fokus kepada empat bidang utama iaitu ekonomi, kepimpinan, keselamatan dan kesejahteraan merangkumi strategi dan sasaran keberhasilan yang jelas untuk memantau pencapaian pembangunan wanita secara berterusan.

Penganjuran program ini amat penting untuk memperkukuh solidariti dan jaringan antara wanita serta menggalakkan penyertaan mereka dalam agenda pembangunan, sekaligus menyokong pemeraksanaan wanita.

Turut hadir Ketua Pengarah JPW, YBrs. Puan Hanani Sapit dan pegawai-pegawai kanan Jabatan dan Agensi Kementerian.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
8 OGOS 2025**